

28 JAN 2002
Sukan-Ekstrem (Lasak)
SHAHRIMAN MUNCUL JUARA ACARA BASIKAL PARK

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Malaysia bermula cemerlang pada hari pertama Kejohanan Asian X Games Junior III dan Qualifier IV apabila peserta negara, Shahrman Rusdee, muncul juara dalam acara basikal park akhir di Taman KLCC di sini, hari ini.

Penuntut Sekolah Menengah Bantuan Tung Hua, Sibu itu mengalahkan 16 peserta lain dengan aksi memukau dan mendebarkan untuk menghimpun 92.75 mata.

Tempat kedua diraih peserta Thailand, Nuttapol Suwannatat, yang mengutip 91 mata manakala Zameer Abdul Malek dari Singapura mengumpul 85.50 mata untuk menduduki tempat ketiga.

Kejohanan yang julung kali diadakan di Malaysia itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kejayaan Shahrman, 12, juga bakal menyaksikan beliau berpeluang cerah untuk ditabalkan juara keseluruhan pertandingan Basikal BMX Stunt kategori junior yang mempertandingkan tiga acara.

Beliau perlu memenangi satu lagi acara sama ada "best trick atau flatland" akhir esok untuk muncul juara keseluruhan sekaligus mengesahkan tempat berlatih di Woodward Camp di Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Ini kerana juara keseluruhan pertandingan Basikal BMX Stunt kategori junior akan ditentukan berdasarkan pungutan mata tertinggi dalam dua daripada tiga acara yang dipertandingkan.

Shahrman, yang menduduki tempat kelima dalam penampilan sulungnya di Phuket, Thailand dua tahun lepas, bagaimanapun berkata beliau hanya menyertai acara best trick.

"Kejayaan ini amat bermakna buat saya terutama selepas menjalani latihan keras selama setahun. Namun begitu perjuangan saya belum selesai kerana saya masih ada satu lagi cabaran esok dalam acara best trick.

"Saya berasa yakin mampu mengulangi pencapaian seperti hari ini (dalam acara best trick esok) dan saya berharap dapat mencatat sejarah memenangi pertandingan itu di hadapan penonton sendiri," kata Shahrman.

Sementara itu, keputusan bagi dua lagi acara akhir hari ini iaitu "Inline Skating Park" dan "Skateboarding Park" hanya akan diketahui esok kerana penganjur menghadapi masalah teknikal.

-- BERNAMA
ERE NAK